



TEMUBUAL RADIO SARAWAK FM 88.9 LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA

HAMZAH MOHAMAD

**PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**11 MAC 2020 (RABU)
JAM 9.30 PAGI**

PENDAHULUAN

Assalamualaikum WBT dan salam ceria kepada semua pendengar radio Sarawak FM.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak RTM kerana sudi mengundang saya di konti Sarawak FM pada pagi ini dalam bual bicara mengenai Larangan Pembakaran Terbuka.

SOALAN 1

Boleh tuan berikan maksud pembakaran terbuka?

JAWAPAN 1

Pembakaran terbuka adalah sebarang kebakaran, pembakaran atau pembaraan yang berlaku di udara bebas dan tidak dihalakan melalui cerobong atau serombong kecuali aktiviti-aktiviti yang ditetapkan oleh Menteri melalui Perintah yang disiarkan warta.

SOALAN 2

Jabatan Meteorologi Malaysia pada 10 Mac 2020 ada mengeluarkan laporan pemantauan cuaca panas dan kering dan ianya sering dikaitkan keadaan kualiti udara setempat.

Bolehkah Tuan terangkan apakah hubungan keadaan cuaca sedemikian dengan perubahan kualiti udara.

JAWAPAN 2

Untuk makluman para pendengar, memang ada hubung kait keadaan cuaca dan kualiti udara pada satu-satu masa. Lazimnya dalam tempoh cuaca yang panas dan kering banyak kita mengesan titik panas iaitu kejadian pembakaran di kawasan yang kita kenalpasti sebagai 'fire

prone area' samada hutan belukar, hutan tanah gambut, kebun, TPS dan sebagainya. Kesan daripada kebakaran inilah yang telah membebaskan asap dan pepejal terampai ke udara bebas yang akhirnya menyebabkan keadaan berjerubu dan menjejaskan kualiti udara setempat. JAS memandang serius kegiatan pembakaran secara terbuka ini yang kita percaya ianya dilakukan untuk tujuan tertentu seperti membersihkan tanah kebun bagi tujuan pertanian dan sebagainya. Sekiranya dilakukan tanpa kawalan api boleh merebak ke kawasan yg lebih luas disebabkan faktor cuaca yang panas dan kering serta tiupan angin.

Berdasarkan Laporan Pemantauan Cuaca Panas dan Kering oleh Jabatan Meteorologi Malaysia pada 10 Mac 2020, tidak merekodkan titik panas di Sarawak. Walau bagaimanapun kita berada dalam fasa ke dua Monsun Timur Laut yang kebiasaanya keadaan kurang hujan berlaku antara Januari hingga hujung Mac setiap tahun. Jesteru itu, saya menyeru orang ramai tidak melakukan apa-apa pembakaran dalam tempoh ini.

Kita juga meramalkan sepanjang pertengahan bulan ini di barat dan pedalaman Sarawak masih menerima hujan yang agak tinggi. Namun di kawasan utara Sarawak khususnya di Miri dan kawasan tanah gambut di Kuala Baram menerima taburan hujan yang rendah dan peningkatan suhu yang agak tinggi. Keadaan ini berpotensi menyebabkan pembakaran terbuka berlaku merebak dengan cepat dan melibatkan kawasan yang besar disebabkan keadaan cuaca panas dan kering ini.

SOALAN 3

Apakah kesan pembakaran terbuka dan apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar dalam menangani pembakaran terbuka semasa cuaca panas dan kering ini.

JAWAPAN 3

Perbuatan yang tidak bertanggung jawab ini boleh memberikan kesan buruk kepada kesihatan awam dan juga alam sekitar. Antara lain,

- i) Jerebu**
- ii) Masalah pernafasan dan penglihatan**

- iii) **Kemusnahan habitat haiwan dan hutan**
- iv) **Pemanasan global**

Jabatan Alam Sekitar sentiasa dalam keadaan bersiap siaga mengambil beberapa langkah untuk menangani isu pembakaran terbuka.

- i) **Jabatan Alam Sekitar telah mengaktifkan Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka pada 7 Januari 2020 dan Prosedur Standard Operasi (*Standard Operating Procedure - SOP*) Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut kepada semua pejabat Jabatan Alam Sekitar Negeri dan agensi-agensi negeri terbabit.**
- ii) **Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan juga telah dikemaskini bagi menghadapi keadaan berjerebu sekiranya berlaku.**
- iii) **Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar telah menyalurkan sejumlah peruntukan kepada JMG dan JPS negeri bagi membina infrastruktur mencegah**

kebakaran tanah gambut di Sarawak. Sehingga hari ini JAS telah memasang 81 papan tanda larangan pembakaran terbuka di lokasi-lokasi yang strategic (RM 77,500), JMG telah membina 9 telaga tiub di Miri, 2 telaga tiub di Mukah dan 2 telaga tiub di Lawas (RM 7,907,200) serta sejumlah 43 check dam (RM 1,344,500) telah dibina oleh JPS. Kita juga dengan kerjasama MBM telah membina 1 menara tinjau pada 2010 di Kuala Baram (RM 828,000) bertujuan mengawasi kawasan tanah gambut di sana dari pembakaran terbuka. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM10,887,450 untuk pembinaan infrastruktur dan penyelenggaraannya di Sarawak dari 2010 hingga 2020 termasuk uji cuba SOP.

- iv) Jabatan Alam Sekitar juga menjalankan pengawasan kualiti udara melalui stesen pengawasan automatik. Di sarawak terdapat 12 stesen automatik dan 1 stesen mobile bagi memantau status kualiti udara di seluruh negeri Sarawak. Daripada 12 stesen tersebut, 2 daripadanya terletak di Miri iaitu di Sekolah Menengah Dato

Permaisuri, Miri dan Institut Latihan Perindustrian Miri, bacaan IPU pada pagi ini adalah!

- v) Selain itu, JAS menjalankan pemantauan dan rondaan darat dan pemantauan udara melalui drone bagi memantau kawasan yang mudah terbakar khususnya di kawasan tanah gambut dan kejadian pembakaran terbuka oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.**

- vi) Tindakan tegas akan diambil kepada mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab menyebabkan pembakaran terbuka termasuk pemilik tanah. Di bawah Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.**

SOALAN 4

Dalam mengatasi isu pembakaran terbuka ini adakah JAS sahaja yang bertindak atau terdapat agensi-agensi juga memainkan peranan masing-masing?

JAWAPAN 4

Berdasarkan kepada Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan bukan sahaja JAS tetapi semua agensi-agensi pelaksana yang terlibat seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara, Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri dan pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, JPAM, NREB, Pejabat Residen, Jabatan Meteorologi Malaysia, JMG, JPS, RELA dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Dalam hal ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih di atas kerjasama yg telah diberikan oleh semua agensi yang terlibat dalam menangani aktiviti pembakaran terbuka dan jerebu di Sarawak pada tahun2 yg lalu.

Di Sarawak juga, Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri akan bertindak di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri sekiranya berlaku pembakaran terbuka berskala besar dan mengancam keselamatan dan kesihatan orang

awam. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YB Datuk Amar Douglas Ungah Embas, Timbalan Ketua Menteri Sarawak dan dianggotai oleh semua agensi-agensi yang berkaitan dengan bencana.

SOALAN 5

Apakah nasihat Tuan kepada pendengar radio ini dalam menangani isu pembakaran terbuka ketika cuaca panas dan kering ini.

JAWAPAN

Saya menyeru orang ramai agar tidak melakukan pembakaran terbuka ketika cuaca panas dan kering ini dan menjaga kesihatan terutama kepada individu pesakit asma, kanak-kanak dan orang tua serta mereka yang mengalami masalah pernafasan. Tambahan pula negara sekarang dilanda wabak Covid-19 yang menyebabkan jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk dan kesukaran bernafas. Oleh itu, janganlah kita burukkan lagi kualiti udara setempat dengan melakukan pembakaran kerana asap

kebakaran boleh menyebabkan gejala penyakit semakin bertambah teruk.

Pemilik-pemilik tanah juga dinasihatkan untuk membuat rondaan dan pemantauan, mengambil tindakan awal pemadaman jika terdapat kes-kes pembakaran terbuka di kawasan milikan mereka.

Tuan/Puan juga dinasihatkan supaya sentiasa minum banyak air untuk mengurangkan gejala di atas.

Orang awam juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil serta juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian 999, Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, 1-800-88-2727, Jabatan Alam Sekitar Sarawak di talian 082-482535 atau kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi kes kebakaran di kawasan perumahan di kawasan masing-masing. Orang ramai juga boleh melihat terus bacaan Indeks Pencemar Udara dan maklumat terkini status udara melalui laman portal JAS di alamat: www.doe.gov.my dan melalui aplikasi

telefon pintar 'MyIPU' dan bukannya melalui laman web atau maklumat yang tidak rasmi.

-TAMAT-